

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan :

Penyelidikan ini berbentuk tinjauan. Pengumpulan data adalah dijalankan menerusi satu soal selidik dan temu bual. Bab ini menghuraikan tentang bentuk kajian, persampelan, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur penganalisan data.

3.2 Reka Bentuk Penyelidikan :

Menurut Kerlinger (1973), reka bentuk penyelidikan adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal varians. Oleh itu satu reka bentuk penyelidikan yang baik adalah diperlukan dalam membuat penyelidikan agar maklumat yang didapati boleh digunakan untuk menjawab persoalan penyelidikan.

Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk penyelidikan deskriptif bagi menerangkan tentang persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah. Menurut Majid Koting (1990), penyelidikan deskriptif sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan yang bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolchubah-pembolchubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena.

Mengikut Sidi Gazalba (1981), penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah bersifat umum. Ini membolehkan pengkaji memahami keseluruhan skop penyelidikan dengan menggunakan sampel yang kecil, manakala data-data yang dikumpul bersifat kuantitatif boleh dianalisis secara logik.

Kaedah tinjauan dipilih sebagai kaedah penyelidikan ini kerana penyelidik ingin melihat persepsi guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah dan kaitannya dengan faktor demografi, iaitu umur, jantina, pengalaman mengajar dan kelulusan.

3.3 Persampelan :

Sampel penyelidikan adalah terdiri daripada guru-guru ($N = 30$) yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut, Pasir Puteh, Kelantan, yang dipilih mengikut bidang-bidang mata pelajaran yang terdapat di sekolah, di samping mengikut kategori kelulusan dan umur, jantina dan pengalaman mengajar.

3.4 Instrumen Penyelidikan :

Alat penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah satu set soal selidik yang digubal sendiri oleh penyelidik, juga berdasarkan soal selidik daripada penyelidikan-penyelidikan yang lepas berkenaan aspek yang hendak dikaji. Menurut Gay (1981), soal

selidik merupakan era yang praktikal dan sesuai untuk penyelidikan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Di samping soalan soal selidik, tema bual juga turut dijalankan ke atas guru kanan bidang atau mata pelajaran serta pengetua tentang penyeliaan-penyeliaan yang pernah dijalankan serta masalahnya.

Soalan soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian (rujuk Lampiran A) iaitu :

Bahagian A, iaitu mengenai maklumat diri responden, dan kekerapan diselia pengajaran serta kefahaman tentang penyeliaan, melalui menandakan pilihan jawapan daripada cadangan jawapan yang disediakan. Pada bahagian ini terdapat 14 item soalan.

Bahagian B, ialah senarai soalan-soalan yang bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap penyeliaan yang dijalankan di sekolah. Ianya mengandungi 25 item yang menggunakan skala Likert 5 poin bagi kategori jawapannya, di mana nilai '1' bagi 'sangat tidak setuju', '2' bagi 'tidak setuju', '3' bagi 'tidak pasti', '4' untuk 'setuju', dan '5' bagi 'sangat setuju'.

Skala Likert 5 poin dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan responden terhadap tiap-tiap item yang digunakan. Skala ini juga

dikatakan mempunyai darjah kebolehpercayaan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan skala-skala lain seperti skala Thnstone dan skala Guttman.

Bahagian C, adalah soalan yang bertujuan untuk mendapatkan cadangan-cadangan daripada guru tentang penyeliaan pengajaran di sekolah, iaitu dengan mengisi ruang kosong yang disediakan di bawah soalan berkenaan. Soalan-soalannya adalah tentang apa yang guru harapkan dari penyeliaan, cadangan-cadangan tentang aspek yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh penyelia semasa penyeliaan, prosedur penyeliaan dan pandangan tentang siapa yang patut menyelia pengajaran guru di dalam kelas.

3.5 Kajian Rintis

Mengikut Hashim Othman (1989), kajian rintis adalah perlu kerana ia bertujuan untuk memastikan setiap perkataan digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan mempunyai maklumat-maklumat yang lengkap untuk dijadikan alat penyelidikan atau dengan lain perkataan, soalan soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh responden.

Kajian rintis bagi memenuhi tujuan di atas telah dijalankan, di Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil, Pasir Puteh, Kelantan, di mana seramai 10 orang guru sebagai respondennya, Kebolehpercayaan soal selidik juga dibuat dengan menggunakan kaedah 'Belah-Tengah' (Split-Half), yang menggunakan formula Spearman-Brown.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Bagi tujuan mentadbir soal selidik ini, penyelidikan telah melalui beberapa proses seperti berikut :

Langkah pertama, selepas cadangan penyelidikan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyemak Penyelidikan Fakulti Pendidikan, penyelidik seterusnya memohon mendapatkan surat pengesahan dari Fakulti Pendidikan dan surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan.

Langkah kedua, memohon kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan seterusnya dari Jabatan Pendidikan Daerah Pasir Puteh untuk kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah yang dipilih.

Langkah ketiga, penyelidik ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil, Pasir Puteh, Kelantan untuk perbincangan dan menjalankan kajian rintis di mana kajian rintis dijalankan.

Langkah keempat, penyelidik ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut untuk tujuan perbincangan dengan Pengetua dan beberapa orang guru Ketua Bidang. Perbincangan adalah berkaitan dengan pemilihan guru sebagai sampel kajian seterusnya

pengedaran soal selidik dijalankan dan dipungut beberapa hari kemudian. Selain daripada itu temu bual juga dijalankan dengan pengetua dan guru ketua bidang.

3.7 Prosedur Penganalisan Data

Daripada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui soal selidik, data-data itu dikumpulkan, dikod dan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer "Statistical Package For Social Sciences" (SPSS), Window (Versi 6).

Analisis data dengan menggunakan pakej SPSS, membolehkan data-data itu diterjemah kepada bentuk jadual taburan kekerapan dan peratusan. Jadual-jadual itu dijelaskan melalui huraian-huraian yang dibuat selepas jadual berkenaan. Seterusnya akan dibuat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah demografi dengan persepsi terhadap penyeliaan. Metod 'cross-tabulation' dan khi-kuasa dan telah digunakan untuk melihat hubungan dan aras signifikannya.

3.8 Kesimpulan

Pengumpulan data penyelidikan ini adalah melalui soal selidik dan temu bual. Jumlah responden ialah 30 orang guru yang sedang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian rintis turut dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan soal selidik. Analisis data adalah dengan menggunakan SPSS

Window (Versi 6), dengan menggunakan metod 'cross-tabulation' dan 'khi-kuasa dua' untuk melihat aras signifikannya dan hubungannya.